

# Inspira*si*

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
الجامعة الوطنية للتربية والتعليم

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 30: 26 Ogos 2024

## UPSI komited latih atlet pelajar untuk pembangunan sukan negara



**Miri Sarawak, 21 Ogos - Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak 2024** baharu sahaja menutup tirai pada 24hb Ogos yang lalu. Kejohanan yang bermula pada 17hb Ogos itu dijalankan di beberapa daerah seperti Kuching, Betong, Mukah, Bintulu, Sibu dan Miri. Kejohanan SUKMA pada tahun ini melibatkan 12,619 penyertaan yang melibatkan 9,927 atlet dan 2,692 pegawai. Sebanyak 37 jenis sukan yang dipertandingkan.

SUKMA merupakan medan terbaik mencungkil bakat-bakat muda baharu dari pelbagai jenis sukan. Had umur yang dibenarkan ialah 23 tahun dan ke bawah. Rata-rata atlet yang terlibat masih di bangku sekolah atau sedang melanjutkan pengajian di pusat pengajian awam dan swasta di dalam dan luar negara. UPSI tidak ketinggalan menghantar pelajar mereka untuk menyertai SUKMA.

Pada edisi SUKMA kali ini, seramai 96 pelajar dari FSSK, FBK, META, FSM dan FSMP telah turut

serta dengan 90 atlet merupakan dari FSSK. Mereka mewakili pelbagai negeri seperti Sarawak, Terengganu, Perlis, Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan, Perak, Kedah, Pahang, Johor, Sabah, Melaka, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Jumlah atlet yang sedang menyambung pengajian di UPSI jelas menunjukkan UPSI sentiasa dan terus komited untuk membentuk, melatih serta melahirkan atlet-atlet yang baik dalam pelbagai jenis disiplin sukan. Mereka ini setelah cukup latihan, pendedahan dan pengalaman menyertai kejohanan-kejohanan ini akan terus bertanding ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya sekiranya mencapai tahap kebangsaan boleh dipanggil untuk menyarung jersi kebangsaan negara di masa akan datang. UPSI bukan hanya melahirkan golongan cerdik pandai di pelbagai bidang dalam masa yang sama menyumbang kepada negara dalam pembangunan atlet-atlet sukan negara.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## Majlis Perasmian Sesi Libat Urus KPM, IPTA dan IPTS Pelaksanaan Latihan Mengajar dan Praktikum

**Tanjong Malim, 20 Ogos** - Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan memilih UPSI sebagai

tuan rumah bagi sesi libat urus Kementerian Pendidikan Malaysia bersama Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTA). Turut

hadir, 20 wakil pihak KPM, 16 wakil JPN seluruh Malaysia, 20 wakil IPTA dan 120 wakil dari IPTS yang sudi hadir. Selamat datang ke Bumi Muallim, Perak



## Peluncuran App Mudah Alih EKCMS

**Kuala Lumpur, 21 Ogos** - Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah melancarkan aplikasi mudah alih yang dinanti-nantikan, EKCMS Mobile APP, dalam satu majlis rasmi yang diadakan di Kampus Sultan Azlan Shah sempena Perhimpunan Bulanan Kakitangan Edisi Ogos 2024. Peluncuran ini merupakan satu langkah penting dalam memperkasakan perkhidmatan perpustakaan kepada para pengguna, terutamanya pelajar dan staf universiti.

Aplikasi ini dibangunkan sebagai sebahagian daripada komitmen perpustakaan untuk meningkatkan akses kepada koleksi dan perkhidmatan perpustakaan yang lebih interaktif dan mudah diakses. Dengan menggunakan EKCMS Mobile APP, pengguna kini boleh

mengakses senarai koleksi buku bercetak, jurnal, tesis, dan pelbagai sumber lain secara langsung melalui telefon pintar atau tablet mereka.

Menurut Ketua Pustakawan, Noriha Muhammad, aplikasi ini adalah satu pencapaian besar dalam usaha perpustakaan untuk memodenkan perkhidmatan perpustakaan dan selaras dengan perkembangan teknologi maklumat. "Peluncuran EKCMS Mobile APP ini adalah manifestasi usaha kami dalam menyokong keperluan akademik pengguna perpustakaan secara lebih efisien dan inklusif. Kami yakin aplikasi ini akan menjadi alat yang sangat berguna dalam proses pembelajaran dan penyelidikan di kalangan warga UPSI."

EKCMS Mobile APP turut dilengkapi dengan ciri-ciri

tambahan seperti pengurusan pembaharuan pinjaman buku secara dalam talian, membuat tempahan bahan, semakan denda dan juga ruang untuk pengguna memberikan maklum balas atau cadangan bagi penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan. Selain itu, aplikasi ini juga mesra pengguna dan direka dengan antaramuka yang intuitif bagi memudahkan navigasi pengguna.

Peluncuran aplikasi ini diharapkan akan meningkatkan penggunaan perpustakaan digital dalam kalangan warga UPSI dan menyokong usaha universiti dalam mencapai kecemerlangan akademik melalui akses yang lebih mudah kepada bahan rujukan dan maklumat.



## Kit3T Produk Penyelidikan UPSI Bantu Guru Subjek Sains Pertanian dan RBT

**Tanjong Malim, 20 Ogos** - Bidang pertanian merupakan satu bidang yang mementingkan elemen praktikal iaitu murid perlu berada di lapangan untuk melakukan aktiviti seperti bercucuk tanam, menyelenggara tanaman, merumput dan meracun, menternak haiwan ternakan dan sebagainya. Mata pelajaran Sains Pertanian merupakan satu matapelajaran elektif yang diambil oleh murid tingkatan empat dan lima. Selain itu, pertanian juga menjadi salah satu komponen yang dipelajari dalam matapelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) bagi murid-murid tingkatan satu, dua dan tiga.

Berpunca daripada masalah guru untuk

menyampaikan ilmu berkaitan sistem penanaman tanpa tanah kerana tiada alat bantu mengajar yang sesuai maka, teretusnya idea untuk menghasilkan satu inovasi alat bantu mengajar dan alat pembelajaran berasaskan eksperimen sistem penanaman secara hidroponik, fertigasi dan konvensional. Inovasi kreatif ini dinamakan Kit 3T (Tanam Tanpa Tanah). Pembinaan kit 3T ini adalah di bawah peruntukan Geran Penyelidikan Universiti (GPU), UPSI pada Tahun 2018 sebanyak RM10,000.00 dan mengambil masa selama dua tahun untuk disiapkan dan telah diuji kebolehgunaan dan keberkesanannya di beberapa buah sekolah di sekitar negeri Perak.

Kit ini telah didaftarkan di bawah MyIPO pada bulan Februari 2024.

Selain itu, kit ini dibina dengan menggunakan bahan acrylic dan dilengkapi dengan pam berkuasa rendah dan beroperasi menggunakan kuasa bateri 2A. Antara kelebihan kit ini adalah ia bersaiz kompak, ringan, mudah dibawa, boleh diguna semula dan sangat mudah difahami murid. Kit 3T pernah memenangi anugerah gangsa dalam pertandingan inovasi iaitu INNOTVET 2020 yang dianjurkan oleh Fakulti Teknikal dan Vokasional (FTV), Universiti Pendidikan Sultan Idris. Selain itu, kit ini juga memenangi anugerah Perak dalam pertandingan inovasi terkemuka negara iaitu Malaysia Technology Innovation (MTE) 2024.

